

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	JAS KEDAH SIASAT DAKWAAN BANJIR LUMPUR AKIBAT PEMBALAKAN
	SUMBER	BH (19 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21 (NASIONAL)

JAS Kedah siasat dakwaan banjir lumpur akibat pembalakan

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian banjir lumpur di Ulu Paip, Kulim yang didakwa akibat aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata siasatan awal dilakukan pada 16 November lalu, membabitkan kawasan aliran sungai dalam Taman Eko Rimba Ulu Paip dan beberapa kampung berhampiran. Katanya, ia termasuk Kampung Ulu Paip, Kampung Karang, Kampung Seberang Jaya, Kampung Padang Limau, Kampung Jangkang, Kampung Maryland dan Kampung Batu Puteh.

"JAS menerima aduan melalui Sistem e-Aduan JAS pada 15 November lalu, pada jam 8.41 malam, membabitkan isu banjir kilat dan aliran lumpur yang dikatakan berlaku pada 23 Oktober ser-

ta menjejaskan perkampungan di hilir Sungai Karang.

"Hasil pemeriksaan mendapati air sungai sedikit keruh berikutan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lumpur dapat dikesan di tebing sungai. Malah, pengunjung masih menggunakan kawasan rekreasi seperti biasa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, pemantauan di kawasan kampung hilir sungai mendapati alirannya berada dalam keadaan normal, namun penduduk mengesahkan memang berlaku kejadian banjir lumpur pada Oktober lalu dan beberapa rumah terjejas.

"Ketika siasatan dijalankan, keadaan kampung sudah pulih sepenuhnya tanpa kesan ketara lumpur atau tanah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan susulan bersama Jabatan Perhutanan dan

agensi lain di kompartmen yang didakwa menjadi punca kejadian sebelum tindakan lanjut diambil.

Semalam, media melaporkan kerajaan negeri digesa menilai semula dan menghentikan sementara aktiviti pembalakan bagi tujuan ladang hutan di Hutan Simpan Gunung Bongsu susulan kejadian banjir lumpur yang menjejaskan lebih 500 penduduk sekitar Ulu Paip, baru-baru ini.

Pengerusi Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) Kedah, Mohd Sobri Ramlee, dilaporkan mendakwa kejadian pada 23 Oktober lalu itu tanda jelas bahawa aktiviti pembukaan hutan di kompartmen 15, 42 dan 43 perlu dikaji semula kerana memberi kesan langsung kepada keselamatan penduduk serta merosakkan kualiti air di Taman Eko Rimba Ulu Paip.



Keadaan rumah penduduk yang dinaiki air di kawasan perkampungan hilir Sungai Karang.
(Foto ihsan GRASS)

2.	TAJUK	JAS SIASAT PUNCA BANJIR LUMPUR ULU PAIP
	SUMBER	HARIAN METRO (19 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (LOKAL)

JAS siasat punca banjir lumpur Ulu Paip

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian banjir lumpur di Ulu Paip, Kulim yang didakwa akibat aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, siasatan awal dilakukan pada 16 November lalu membabitkan kawasan aliran sungai di Taman Eko Rimba Ulu Paip dan beberapa kampung berhampiran.

"JAS menerima aduan melalui Sistem e-Aduan JAS pada 15 November lalu membabitkan isu banjir kilat dan aliran lumpur yang dikatakan berlaku pada 23 Oktober serta menjejaskan perkampungan di hilir Sungai Karangan.

"Hasil pemeriksaan mendapati air sungai sedikit keruh berikutan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lumpur dapat dikesan di tebing sungai.

"Malah, pengunjung masih menggunakan kawasan rekreasi seperti biasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

"Hasil pemeriksaan mendapati air sungai sedikit keruh berikutan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lumpur dapat dikesan di tebing sungai"

Sharifah Zakiah

Menurutnya, pemantauan di kawasan kampung hilir sungai mendapati aliran sungai berada dalam keadaan normal namun penduduk mengesahkan berlaku kejadian banjir lumpur pada Oktober lalu dan beberapa rumah terjejas.

"Ketika siasatan dijalankan, keadaan kampung sudah pulih sepenuhnya tanpa kesan ketara lumpur atau tanah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan susulan bersama Jabatan Perhutanan dan agensi lain di kompartmen yang didakwa menjadi punca kejadian sebelum tindakan lanjut di-



HASIL tinjauan JAS Kedah di Taman Eko Rimba Ulu Paip kelmarin. - Gambar NSTP/Ihsan JAS Kedah

ambil.

Semalam, media melaporkan kerajaan negeri digesa menilai semula dan menghentikan sementara aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu susulan kejadian banjir lumpur yang menjejaskan lebih 500 penduduk di sekitar Ulu Paip, baru-baru ini.

Pengerusi Pertubuhan

Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) Kedah, Mohd Sobri Ramlee dilaporkan berkata, kejadian pada 23 Oktober lalu itu tanda jelas bahawa aktiviti pembukaan hutan di kompartmen 15, 42 dan 43 perlu dikaji semula kerana memberi kesan langsung kepada keselamatan penduduk serta merosakkan kualiti air di Taman Eko Rimba Ulu Paip.

3.	TAJUK	PENCEMARAN SUNGAI PERAK BELUM TERJAWAB : PUNCA AIR BIRU KEKAL MISTERI
	SUMBER	HARIAN METRO (19 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (LOKAL)

PENCEMARAN SUNGAI PERAK BELUM TERJAWAB

Punca air biru kekal misteri



AIR di hulu Sungai Perak yang bertukar menjadi biru. - Gambar FB Jejak Air Tawar

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Sumber pencemaran di kawasan hulu Sungai Perak di Kampung Sungai Papan, Gerik yang tular dengan kejadian air sungai bertukar warna kebiruan bulan lalu sehingga kini masih menjadi tanda tanya disebabkan puncanya belum disahkan secara muktamad.

Exco Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Teh Kok Lim berkata, dapatan akhir hasil siasatan insiden itu sehingga kini belum diterima memandangkan laporan siasatan menyatakan punca pencemaran tidak dapat dipastikan serta dibuktikan.

"Laporan siasatan terakhir itu tiada keputusan dan kita tidak tahu sumber sebenarnya pencemaran itu. Namun, siasatan masih dijalankan dan saya rasa buat masa ini tiada apa-apa hendak diumumkan."

"Disebabkan air yang melimpah (tercemar) itu sudah tidak dapat dikesan menjadikan laporan yang kita terima juga tiada keputusan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Inovasi Peringkat Perak 2025, di sini, kelmarin.

"Laporan siasatan terakhir itu tiada keputusan dan kita tidak tahu sumber sebenarnya pencemaran itu. Namun, siasatan masih dijalankan dan saya rasa buat masa ini tiada apa-apa hendak diumumkan"

Kok Lim

Ditanya sama ada air sungai di kawasan kejadian selamat untuk diminum, Kok Lim berkata, ia selamat buat masa ini memandangkan kesan pencemaran sudah tidak kelihatan.

Menurutnya, operator bagi tiga aktiviti perlombongan termasuk satu daripadanya perlombongan unsur nadir bumi yang sebelum ini disyaki sebagai sumber pencemaran masih diarah menghentikan operasi buat sementara waktu.

"Operasi mereka masih dihentikan kerana keputusan hasil siasatan terakhir belum keluar," katanya.

Sebelum ini pada 21 Oktober lalu, tular video dan gambar memaparkan perubahan warna air Sungai Perak di Jambatan Kampung Sungai Papan bertukar warna biru seperti air laut.

4.	TAJUK	MODUL LATIH PENDUDUK KENAL PASTI AWAL RISIKO BERLAKU TANAH RUNTUH
	SUMBER	BH (20 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NASIONAL)

Modul latih penduduk kenal pasti awal risiko berlaku tanah runtuh

JMG lengkapi komuniti setempat kemahiran elak kesan bencana lebih buruk

Oleh Zamariah Abd Mutalib
zamariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang membongkarkan modul bagi melatih penduduk tempatan yang tinggal di 31 lokasi panas berisiko tanah runtuh seluruh negara untuk mengenal pasti sendiri dan mengambil tindakan awal jika berlaku tanda-tanda bencana itu.

Ketua Pengarah JMG, Datuk Zamri Ramli, berkata berbanding garis panduan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CB-DRM) yang berbentuk arahan, modul berkenaan akan melatih 'jaguh' komuniti, yang bertindak sebagai ketua, ketika bencana dengan kemahiran mereka akan digunakan sehingga ke peringkat pengurusan bencana negeri.

Lokasi berkenaan adalah di Gunung Jerai; Baling; Tanjung Bungah dan Paya Terubong; Lemburaya Timur-Barat; Ipoh; Cameron Highlands; Jabat Tanah-Cameron Highlands; Jalan Kuala Kubu-Raub; Kuala Kubu Baru; Lemburaya Kuala Lumpur-Karak.

Selain itu, Sungai Buloh; Bukit Antarabangsa; Genting Peras; Jalan Seremban-Simpang Per-

ang; Seremban; Jalan Rembau-Johol; Bukit Katil; Gunung Pulai; Temerloh; Kuala Lipis; Jalan Lojing-Gua Musang; Felda Aring-Renyir-Kuala Berang; Tanah Merah; Marang; Dungun; Kota Kinabalu; Kundasang; Sandakan; Miri; Kapit dan Bau.

Buat permulaan, tumpuan diberi kepada kawasan berlaku bencana tanah runtuh berulang, selain sembilan lokasi Taman Eko Rimba (TER) yang berpotensi berlaku bencana geologi aliran puing (gelinciran tanah) dengan modulnya dijangka dikeuarkan hujung tahun ini.

Ia merangkumi TER Chempeng, Air Menderu, Kledang Sayang, Lubuk Yu, Batu Maloi, Lata Iskandar, Sungai Tua, Chamang dan Lata Payung.



Zamri Ramli

Zamri memaklumkan, modul latihan berkenaan berjaya dilaksanakan di Thailand, yang mana komuniti di sana akan menjadi ketua jika berlaku tanah runtuh dan akan dibuang oleh agensi pengurusan bencana.

"Modul mengikut tahap ini boleh dikatakan seperti latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana kemahiran yang akan dimiliki anggota komuniti itu mungkin kurang sedikit daripada pakar kerana mereka tidak memiliki ijazah.

"Ia hanya dilakukan secara manual, contohnya jika hujan lebat, mereka akan merujuk kepada balang ditandakan dengan warna merah, hijau dan kuning.



JMG menjalankan pemantauan terhadap 254 cerun kritikal di seluruh negara.

(Foto Maman)

"Jika paras mencapai tanda merah, itu tanda penduduk perlu berpindah, maknanya mereka boleh bertindak sendiri tanpa menunggu arahan dan ini amat penting, terutama di kawasan terpencil, yang kemungkinan akan memakan masa untuk pasukan bantuan tiba.

"Selain itu, wakil komuniti juga akan dilatih melihat gelinciran tanah di kawasan tertentu di kawasan berisiko itu, yang mungkin akan menyebabkan bencana yang lebih buruk," katanya kepada BH.

Wakil komuniti jadi penastih
Zamri berkata, wakil komuniti itu juga akan menjadi penastih jika ada yang berhasrat untuk membina rumah di sesuatu kawasan yang berisiko.

"Kita akan melihat kekuatan individu dalam komuniti itu sebelum memberikan latihan ke-

rana bagi setiap lokasi, mungkin kekuatan mereka berbeza.

"Zaman untuk pakar berakap dengan pakar sudah berlalu, sebaliknya kita perlu melakukan pendekatan baharu dengan melatih sendiri mereka yang terdedah kepada bencana ini," katanya.

Selain itu, Zamri memaklumkan, JMG menjalankan pemantauan terhadap 254 cerun kritikal di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, 66 lokasi cerun diklasifikasi sebagai cerun kritikal tahap tinggi, manakala masing-masing 84 dan 84 lokasi diklasifikasikan sebagai cerun kritikal sederhana dan rendah.

Pada masa katanyes, JMG turut bekerjasama dengan beberapa agensi, termasuk Jabatan Meteorologi Malaysia (MRTMalaysia) dalam membuat ramalan tanah runtuh dan bencana geo-

logi melalui Projek Big Data Analytics (BDA) bagi kes di bawah Pengurusan Bersepadu Bencana Geologi Tanah Runtuh Negara, yang dinamakan GeoSlide.

Sistem ini akan berfungsi sebagai platform pengurusan bencana geologi tanah runtuh yang utama bagi memastikan pengurusan bencana dapat dijalankan dengan cekap dan mewujudkan komuniti yang berdaya tahan dan sentiasa bersedia siaga.

"Ini masih pada peringkat projek rintis dan kita berkongsi data dengan MRTMalaysia setiap 10 ke 12 minit, jadi kita tahu di mana kawasan berisiko rendah atau tinggi.

"Kita tumpukan kepada 34 kawasan di seluruh Malaysia, terutama yang dekat dengan sekolah dan komuniti, di mana lokasi ini dilengkapi dengan sensor bagi mengesan risiko tanah runtuh," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**